



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

KENYATAN MEDIA

TAHAP KESEJAHTERAAN KELUARGA MALAYSIA SEMAKIN MENINGKAT

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) sentiasa berusaha memperkasakan institusi kekeluargaan di negara ini untuk kekal berdaya tahan menghadapi cabaran masa depan khususnya semasa dan selepas pandemik COVID 19. Skor keseluruhan Indeks Kesejahteraan Keluarga (IKK) 2019 menunjukkan peningkatan 0.39 mata iaitu 7.72 berbanding 7.33 pada tahun 2016 dan masih kekal pada tahap sederhana.

Domain Hubungan Kekeluargaan menjadi penyumbang skor tertinggi Indeks Kesejahteraan Keluarga (IKK) 2019 iaitu 8.35 daripada skala maksimum 10. Ini diikuti oleh domain-domain lain yang membentuk lapan (8) Domain Kesejahteraan Keluarga di Malaysia. Domain Hubungan Kekeluargaan dipantau melalui 7 indikator yang mengukur aspek berkaitan kekeluargaan iaitu penglibatan ibu bapa, kualiti masa bersama keluarga, imbangan kerja-keluarga, perhubungan rapat, kefungsi keluarga, daya tindak keluarga, dan daya tahan keluarga.

Domain Keluarga, Peranan Agama dan Amalan Kerohanian dengan nilai skor 8.25, Domain Keluarga dan Keterlibatan Komuniti pada skor 8.00, Domain Keselamatan Keluarga pada skor 7.86), Domain Ekonomi Keluarga (7.67), Domain Kesihatan Keluarga (7.44), Domain Perumahan dan Persekitaran (7.35) dan Domain Keluarga dan Teknologi Komunikasi dengan nilai skor 6.82.

Dalam hal yang sama, tinjauan pendapat yang dilaksanakan secara dalam talian sempena Bulan Keluarga Kebangsaan 2020 pada November lalu, didapati sebanyak 49% responden ibu bapa menyatakan bahawa tahap kebahagiaan rumah tangga mereka menjadi semakin baik pada gelombang ke-3 COVID-19 ini berbanding dua gelombang yang lepas. Ini selaras dengan penemuan tinjauan tersebut yang turut mendapati bahawa sebanyak 64% responden ibu bapa yang mengakui bahawa komunikasi mereka dengan pasangan telah menjadi semakin baik pada ketika ini.

Penemuan tinjauan yang terbaru daripada LPPKN, secara tidak langsung memberi gambaran institusi keluarga menunjukkan tanda tanda pemulihan dan usaha yang lebih giat akan terus dilaksanakan melalui pelbagai pendekatan penyampaian pendidikan kekeluargaan bagi memastikan institusi keluarga mempunyai pengetahuan dan kemahiran untuk berfungsi mencapai kesejahteraan keluarga.

YB DATUK SERI RINA MOHD HARUN
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA KELUARGA DAN MASYARAKAT
24 DISEMBER 2020

####